

# Cagamas umum terbitan dua bon mata wang asing bernilai HK\$351j, AS\$28j

**KUALA LUMPUR:** Cagamas Bhd mengumumkan terbitan bon dalam dua mata wang, terdiri daripada Nota Jangka Sederhana (MTN) kadar tetap Dolar Hong Kong (HK\$) dua tahun berjumlah HK\$351 juta dan Nota Kadar Terapung (FRN) Dolar AS (AS\$) tiga tahun berjumlah AS\$28 juta.

Bon dalam mata wang asing itu diterbitkan menerusi anak syarikat milik penuh Cagamas, Cagamas Global PLC menerusi Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang Konvensional (EMTN) Cagamas berjumlah AS\$2.5 bilion.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Datuk Chung Chee Leong berkata pelabur asing kekal positif

dan terus menunjukkan minat ke atas sekuriti Cagamas yang membolehkan syarikat itu memuktamadkan terbitan kedua dolar HK pada bulan yang sama.

"MTN bernilai HK\$351 juta itu, yang akan matang dalam tempoh dua tahun, diberikan ketatapan harga yang kompetitif, pada kadar tetap 3.10 peratus dan dilanggan sepenuhnya oleh pelbagai kumpulan pelabur asing, termasuk penyertaan firma pengurusan aset utama dunia," katanya menerusi kenyataan.

Chung juga berkata Cagamas gembira dapat memuktamadkan FRN dalam dolar AS menerusi inisiatif pertanyaan berbalik dengan maklum balas yang diterima daripada pelabur asing

menunjukkan pilihan yang semakin meningkat ke atas FRN ekoran ketidaktentuan kadar faedah global.

Penetapan harga bagi FRN dalam dolar AS bertempoh tiga tahun itu juga kompetitif dengan sebaran 70 mata asas ke atas Kadar Tawaran Antara Bank London (LIBOR) dan dilanggan oleh pelabur asing, kata Chung.

Kenyataan itu juga menyebut bahawa kejayaan memuktamadkan urus niaga dalam dua mata wang itu membuktikan keyakinan berterusan pelabur asing ke atas kredit syarikat, selain penerimaan ke atas sektor korporat Malaysia.

Setakat ini tahun ini, Cagamas memuktamadkan terbitan terkumpul bersamaan RM8.3 bilion. — Bernama